

15/06/1998

Dana: BN gerak semua komponen

Radzi Wahab; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad - Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) di peringkat negeri dan kawasan Parlimen akan digerakkan ke arah melaksanakan kutipan Dana Untuk Malaysia.

Ketua Pergerakan Pemuda BN, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata dana berkenaan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu berjaya mengumpul sebanyak RM3 juta pada pelancarannya hari ini.

Menurutnya, kutipan untuk dana itu oleh parti komponen BN itu akan diteruskan sehingga ke tarikh terakhir pengumpulan sumbangan, pada 15 Julai depan.

Bagaimanapun, beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata pihaknya tidak menetapkan sebarang sasaran yang harus dikutip dalam tempoh berkenaan.

"Kita tidak ada sasaran tertentu, tetapi lebih banyak yang dikumpul lebih baik," katanya kepada pemberita selepas pelancaran dana berkenaan di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Hasil kutipan itu kemudian akan disalurkan kepada Dana Khas Negara yang sehingga ini berjaya mengumpulkan kira-kira RM3 juta melalui derma orang ramai dalam bentuk wang tunai, barangan kemas dan mata wang asing.

Sumbangan kepada Dana Untuk Malaysia anjuran Pemuda BN hari ini, kebanyakannya diterima daripada pemimpin parti komponen BN dan syarikat korporat.

Pada majlis itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, menyampaikan cek replika RM30,000 kepada Dr Mahathir bagi pihak parti sebelum diikuti ketua-ketua parti komponen BN lain.

Ahmad Zahid sendiri menyampaikan cek replika RM280,000 bagi pihak Pemuda BN.

Antara syarikat korporat yang menderma bagi dana itu ialah Kumpulan Bandaraya Development (RM1 juta), Kumpulan DRB Hicom (RM500,000), United Engineers Malaysia Berhad dan Projek Lebuhraya Utara Selatan (RM300,000), HVD (RM100,000), Telekom Malaysia Berhad (RM100,000), Permodalan Nasional Berhad (RM100,000), Kumpulan Golden Hope (RM50,000) serta Syarikat Penerbitan Jaya Bakti dan Powertek Berhad, masing-masing RM10,000.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) berkata, selain kutipan pada hari ini, pihaknya juga menerima kutipan daripada 400 pelajar yang menyerahkan sumbangan mereka di kaunter BSN.

"Semua kutipan itu akan dihantar ke Lembaga Hasil Dalam Negeri yang akan memasukkan wang itu dalam dana khas negara dikendalikan Perbendaharaan.

"Malah, sekumpulan artis juga bersetuju menyumbang hasil daripada pertunjukan mereka kepada dana ini dan usaha itu harus dijadikan contoh," katanya.

Bagi pihak BSN pula, beliau berkata bermula hari ini, bank itu akan menjual tabung baru dengan setiap RM2 daripada RM10 yang diperolehi daripada jualan satu tabung itu akan disalurkan kepada dana itu.

Mengenai penganjuran dana itu, Ahmad Zahid berkata beliau tidak mahu parti komponen BN dituduh menyuruh orang ramai untuk menderma, sedangkan mereka sendiri tidak melakukan sesuatu.

"Oleh itu, kita mulakan dengan diri kita sendiri bagi menjayakan kutipan derma itu," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan aluannya, Ahmad Zahid memuji tindakan rakyat negara ini kerana menunjukkan sokongan tidak berbelah bagi kepada usaha

murni itu.

"Sokongan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama bagi memantapkan semula ekonomi negara itu turut menunjukkan tanda sokongan mereka kepada kerajaan," katanya.

(END)